

For immediate release

MEDIA STATEMENT

IDEAS supports the possible reintroduction of GST as part of fiscal consolidation package, but calls for in-depth study to be carried out beforehand

Kuala Lumpur, 30 September 2022 - Ahead of Budget 2023 to be tabled in Parliament on 7 October 2022, the Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) has expressed support for the possible reintroduction of the GST in the near future, arguing that it effectively expands the government's revenue sources. However, IDEAS has called for an in-depth study to be executed beforehand to identify the appropriate GST rate and how this policy would impact vulnerable households specifically.

Recently the government has signalled the possibility of the reintroduction of the GST amidst global economic uncertainty. The International Monetary Fund (IMF) has cut its 2022 global GDP growth projection from 3.6% to 3.2%. For 2023, growth is estimated to be at 2.9%. As a small, open economy Malaysia needs to brace itself for the impact of the global recession, as most of the major economies have introduced aggressive monetary tightening policies to keep inflation at bay.

As IDEAS CEO, Dr Tricia Yeoh, points out, "The collection of GST would enable the government to broaden its sources of revenue in the immediate term, amidst the widening budget deficit and the upcoming global recession. There is a consensus that there is room for improvement for the domestic tax base to be widened in Malaysia as only about 55% of the government's revenue came from direct taxes on average from 2011 to 2020. Comparing the collection between the GST and the SST, in 2017 the GST represented about 23% of the government's revenue, while the SST only amounted to up to 14% of total government revenue."

IDEAS emphasised that if a GST rate is introduced at a high initial rate, this may dampen demand further in a recession economy next year, which may have prolonged negative impacts on the growth of the domestic economy. On the other hand, if the rate introduced is too low, it may not have a significant impact in adding onto the Government's existing revenue.

IDEAS Director of Research and Director of the Economics and Business Unit, Dr Juita Mohamad, further emphasised that, "In preparation for the possible introduction of the GST, a well planned social protection system needs to be rolled out simultaneously. The in-depth study we propose should also include the impact the possible introduction of GST would have on vulnerable households, so that the existing social protection plan, such as cash transfer programmes, pension schemes and active labour market policies among others can be strengthened and targeted in the immediate term."

A 2020 study by Bank Negara Malaysia highlighted that the pandemic has shed light on fundamental structural issues related to the existing social protection framework in Malaysia. These issues include fragmented and overlapping programmes, gaps in general coverage, fiscal challenges as well as inadequacy of programmes in addressing socio-economic vulnerabilities.

By addressing these policy gaps swiftly, it would enable the government to protect its population by using its revenue sources efficiently, especially in the times of crises which we have gone through many times before and expect to encounter in the years to come.

Dr Yeoh concluded, "Apart from expanding the fiscal base for long-term sustainability, the government must also demonstrate its commitments to greater fiscal responsibility and adherence to stringent governance controls through the enactment of the Fiscal Responsibility Act and the Government Procurement Act. With these laws in place, as well as assurances of institutional independence, such measures will ensure proper fiscal discipline, which is what Malaysia needs today."

--- END ---

For enquiries, please contact:

Dr Juita Mohamad
Director of Research;
Director, Economic and Business Unit
juita@ideas.org.my

Louis Denis
Manager, External Relations
louis@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

Untuk siaran segera

KENYATAAN MEDIA

IDEAS sokong kemungkinan pengenalan semula GST sebagai sebahagian daripada pakej pengukuhan fiskal, seru agar satu kajian mendalam dijalankan terlebih dahulu

Kuala Lumpur, 30 September 2022 - Menjelang pembentangan Belanjawan 2023 di Parlimen pada 7 Oktober 2022, Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) menyatakan sokongan kepada kemungkinan pengenalan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dalam masa terdekat, berpandangan bahawa cukai tersebut akan meluaskan sumber pendapatan kerajaan dengan berkesan. Namun, IDEAS menyeru agar satu kajian mendalam dijalankan terlebih dahulu untuk mengenal pasti kadar cukai yang sesuai dan bagaimanakah dasar ini akan memberi kesan kepada kumpulan isi rumah rentan terutamanya.

Baru-baru ini kerajaan telah memberi isyarat kemungkinan pengenalan semula GST di tengah-tengah ketidaktentuan ekonomi dunia. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah mengurangkan unjuran pertumbuhan KDNK dunia untuk tahun 2022 daripada 3.6% kepada 3.2%. Untuk tahun 2023, pertumbuhan dijangkakan sebanyak 2.9%. Sebagai sebuah ekonomi terbuka yang kecil, Malaysia perlu bersiap sedia menghadapi kemelesetan global, kerana kebanyakan ekonomi utama telah memperkenalkan dasar pengetatan monetari yang agresif untuk mengekang inflasi.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Dr Tricia Yeoh, "Kutipan GST akan memberi kesan kepada kerajaan meluaskan sumber pendapatan dalam jangka masa segera, di tengah-tengah defisit belanjawan yang semakin meluas dan kemelesetan global yang akan datang. Terdapat konsensus bahawa terdapat ruang penambahbaikan untuk asas cukai domestik diperluaskan di Malaysia kerana hanya kira-kira 55% daripada hasil kerajaan diperoleh daripada cukai langsung secara purata dari tahun 2011 hingga 2020. Membandingkan antara kutipan GST dan SST, pada tahun 2017 GST mewakili kira-kira 23% daripada hasil kerajaan, manakala SST hanya mencapai 14% daripada jumlah hasil kerajaan."

IDEAS menekankan bahawa jika kadar GST diperkenalkan pada kadar permulaan yang tinggi, mungkin akan menjelaskan lagi permintaan dalam kemelesetan ekonomi tahun hadapan. Hal ini mungkin akan memberi kesan negatif yang berpanjangan kepada pertumbuhan ekonomi domestik. Sebaliknya, jika kadar yang diperkenalkan terlalu rendah, kemungkinan tidak akan memberi kesan yang ketara dalam menambah hasil sedia ada kerajaan.

Pengarah Penyelidikan dan Pengarah Unit Ekonomi dan Perniagaan IDEAS, Dr Juita Mohamad, ketika memberi penekanan lanjut berkata, "Sebagai persediaan untuk kemungkinan pengenalan GST, sistem perlindungan sosial yang terancang perlu dilaksanakan secara serentak. Satu kajian mendalam yang kami cadangkan perlu merangkumi kesan kemungkinan pengenalan GST terhadap isi rumah rentan, supaya sistem perlindungan sosial sedia ada, seperti program pemberian wang tunai, skim persaraan dan dasar pasaran buruh yang aktif boleh diperkuuh dan disasarkan dalam jangka masa terdekat."

Satu kajian oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2020 menggariskan bahawa pandemik ini telah mendedahkan permasalahan struktur asas yang berkaitan dengan rangka kerja perlindungan sosial sedia ada di Malaysia. Permasalahan ini termasuk program yang terpecah pecah dan bertindih, jurang dalam liputan umum, cabaran fiskal serta ketidakcukupan program dalam menangani kelemahan sosio-ekonomi.

Menangani jurang-jurang yang terdapat dalam dasar ini dengan segera akan membolehkan kerajaan melindungi rakyat dengan menggunakan sumber pendapatan dengan cekap, terutamanya ketika krisis yang telah kita lalui berkali-kali sebelum ini dan dijangka akan dihadapi pada tahun-tahun akan datang.

Dr Yeoh ketika memberi kesimpulannya berkata, "Di samping meluaskan asas fiskal untuk kemampunan jangka panjang, kerajaan juga harus menunjukkan komitmen terhadap lebih kebertanggungjawaban fiskal dan pematuhan terhadap kawalan tadbir urus yang ketat melalui penggubalan Akta Tanggungjawab Fiskal dan Akta Perolehan Kerajaan. Dengan adanya undang-undang ini, serta jaminan kebebasan institusi, langkah sedemikian akan memastikan disiplin fiskal yang betul, yang merupakan keperluan Malaysia hari ini.

--- TAMAT ---

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Dr Juita Mohamad
Pengarah Penyelidikan;
Pengarah, Unit Ekonomi dan Perniagaan
juita@ideas.org.my

Louis Denis
Pengurus Perhubungan Luar
louis@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berdasarkan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.